U. M. 16 DEC 1970

KUALA LUMPUR 15 Dis. — Bekas anggota Majlis Tertinggi UMNO, Dr. Mahathir Mohamad akan menarek diri dari menyertai sa-mula UMNO.

Demikian menurut puncha2 yang rapat dengan Dr. Mahathir hari ini.

Langkah ini di-buat oleh beliau berikutan dengan keputusan beberapa buah chawangan dan bahagian UMNO di-Kedah dan Perlis yang akan mengemukakan usul supaya Dr. Mahathir di-terima sa-mula menjadi anggota UMNO.

Puncha2 itu memberitahu Utusan Malaysia bahawa Dr. Mahathir akan menulis surat kapada chawangan2 dan bahagian2 UMNO yang berkenaan supaya menarek balek usul tersebut.

Dr. Mahathir yang tewas dalam pilehanraya Parlimen kawasan Kota Setar Selatan dalam pilehanraya umum tahun lalu, telah di-pechat dari UMNO tahun lalu.